
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JTW 211 – Perakaunan Pengurusan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan. Soalan ini mempunyai dua Bahagian : Bahagian A dan Bahagian B. Jawab **KEDUA-DUA** soalan daripada Bahagian A dan pilih DUA (2) soalan daripada Bahagian B. Kesemua EMPAT (4) soalan mesti dijawab.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan bernilai 25 markah dan markah sub soalan diperlihatkan di penghujung sub soalan tersebut.

BAHAGIAN A

- 1 (a) Syarikat Song Lap Sdn. Bhd. mengendalikan sebuah kilang di Bandar Baru Lesap untuk membuat makanan segera. Ia banyak mengendalikan bahan mentah untuk diproses bagi maksud tersebut. Salah satu bahan mentah yang digunakannya adalah Hin Lang.

Maklumat berikut adalah mengenai stok bahan Hin Lang.

Penggunaan yang dibelanjawankan:

- maksimum 150 unit sebulan
- minimum 30 unit sebulan
- tahunan 900 unit setahun

Tempoh pesanan semula ialah di antara 2 hingga 4 bulan.

Kos penyimpanan ialah 10% dari nilai stok setahun.

Kos pesanan ialah RM2.50 setiap pesanan.

Harga seunit ialah RM0.30.

DIKEHENDAKI :

Berdasarkan maklumat di atas kirakan;

- | | |
|--------------------------------|------------|
| (i) Tingkat pesanan semula | (2 markah) |
| (ii) Tingkat stok minimum | (2 markah) |
| (iii) Kuantiti pesanan ekonomi | (2 markah) |
| (iv) Tingkat stok maksimum | (2 markah) |
| (v) Tingkat stok purata | (2 markah) |
| (vi) Pusinganti Stok. | (2 markah) |

...3/-

(vii) Jika syarikat ini mempunyai inventori yang lebih dari satu jenis, apakah sistem inventori yang sesuai digunakan? Kenapa?
(2 Markah)

(viii) Jika syarikat itu ingin mencapai satu falsafah yang membantu membasmi pembaziran melalui penggunaan teknologi yang mudah dan telus serta melalui satu sistem kawalan operasi yang tersusun, apakah nama sistem inventori yang patut digunakan? Berikan dua ciri dari ciri-ciri penting bagi sistem inventori ini.
(2 Markah)

(b) Setelah memesan bahan mentah Hin Lang dari pembekal, Jabatan Stor syarikat ini menguruskan pembelian dan penghantaran bahan mentah tersebut untuk kegunaan di Jabatan Pengeluaran kelak. Maklumat berikut diperolehi:

Pada 10 Januari, 400 unit Hin Lang telah dibeli dengan harga RM1.20 seunit. Komoditi tersebut mengalami kemerosotan harga di pasaran antarabangsa dua hari berikutnya. Oleh itu, pada 15 Januari pula, 200 unit tambahan dapat dibeli dengan harga RM1.15 seunit. Pada 26 Januari, 300 unit Hin Lang telah dihantar ke Jabatan Pengeluaran.

DIKEHENDAKI :

Sediakan jadual andaian aliran kos bagi penentuan harga pengeluaran dari maklumat yang diberikan di atas dengan menunjukkan secara jelas penerimaan, pengeluaran dan baki mengikut kaedah :

(i) Masuk dahulu keluar dahulu
(3 Markah)

(ii) Masuk kemudian keluar dahulu
(3 Markah)

(iii) Purata mudah
(3 Markah)

2. (a) Sebutkan **tiga** unsur penting di dalam sesuatu unsur kos. Kemudian takrifkan setiap satu daripada unsur tersebut dan berikan sekurang-kurangnya **satu** contoh bagi setiap unsur tersebut. (6 Markah)
- (b) Di dalam mengagihkan sejumlah kos pengeluaran kepada setiap unit kos terdapat **tiga** proses yang biasa digunakan. Sebutkan ketiga-tiga proses berkenaan dan terangkan secara ringkas atau berikan contoh bagi setiap satu daripadanya. (6 Markah)
- (c) Jumlah kos tetap Awang Kuih Raya Bhd. ialah RM10,500, jumlah barang yang dikeluarkan pada tahun 2000 ialah 14,000 unit dan kos berubah seunit ialah RM3.00.
- Pada tahun 2001 pula, pengeluarannya kurang kepada 7,000 unit disebabkan kurang permintaan tetapi pada tahun 2002 pengeluarannya meningkat kepada 17,500 unit.
- (i) Berdasarkan maklumat di atas, rangkakan satu jadual bagi setiap satu tahun tersebut mengenai jenis kos, jumlah kos dan kos purata seunit dengan lengkap. (5 Markah)
- (ii) Apakah kesimpulan yang dapat anda buat dari jadual tersebut? (2 Markah)
- (d) Terdapat enam cara pengelasan kos di dalam Perakaunan Pengurusan. Apakah yang kamu faham dengan pengelasan kos ini:
- (i) Mengikut keupayaan mengesan kos untuk objektif kos. (3 Markah)
- (ii) Mengikut bilakah perbelanjaan dicajkan kepada hasil. (3 Markah)

BAHAGIAN B

3. (a) Lay Choo Orkid Bhd. mengeluarkan dua jenis baja iaitu Lay 700 dan Choo 007. Berikut merupakan maklumat-maklumat bagi tahun 2002 untuk syarikat ini yang sedang berusaha menyediakan laporan belanjawannya.

	<u>Lay 700</u>	<u>Choo 007</u>
<u>Jualan:</u>		
Harga jualan	RM80	RM125
Anggaran unit jualan	1500,000	1250,000
<u>Kos pengeluaran seunit:</u>		
Bahan mentah langsung	RM25.00	RM37.50
Buruh langsung	RM20.00	RM30.00
Overhed kilang (Kos tetap)*	RM12.50	RM17.50
* Kos seunit dikira berdasarkan anggaran unit jualan		
<u>Inventori bahan mentah:</u>		
31 Disember 2003 – kg	125,000	100,000
– kos	RM480,000	RM540,000
31 Disember 2003 – kg	290,000	240,000
<u>Inventori bahan siap:</u>		
31 Disember 2003 – kg	125,000	100,000
– kos	RM1,375,000	RM1,500,000
31 Disember 2003 – kg	160,000	130,000
<u>Data pengeluaran seunit:</u>		
Bahan mentah langsung diperlukan (kg)	10.00	15.00
Jam buruh langsung (jam)	2.5	3.75

Disediakan juga maklumat tambahan yang memperincikan jualan bagi tiga bulan dalam tahun 2004 seperti berikut:

<u>Bulan</u>	<u>Unit jualan Lay 700</u>
Januari	750,000
Februari	625,000
Mac	825,000

Jualan bagi Lay 700 sepanjang Januari hingga Mac terdiri daripada 30% tunai dan 70% jualan kredit. 40% daripada jualan kredit dikutip pada bulan semasa jualan, 35% pada bulan berikutnya dan baki dikutip pada bulan kedua selepas jualan.

DIKEHENDAKI :

Anda sebagai akauntan pengurusan Lay Choo Orkid Bhd. dikehendaki menyediakan:

- (i) Belanjawan jualan (1 Markah)
- (ii) Belanjawan pengeluaran (3 Markah)
- (iii) Kos sekilogram bahan langsung (1 Markah)
- (iv) Belanjawan bahan mentah*
* (belanjawan penggunaan umum & belanjawan terperinci dengan pertimbangan stok serta harganya) (4 Markah)
- (v) Kos sejam buruh langsung (1 Markah)
- (vi) Belanjawan buruh langsung
* (belanjawan penggunaan umum & belanjawan terperinci dengan pertimbangan jam digunakan serta harganya) (3 Markah)
- (vii) Jadual kutipan tunai bagi Lay 700 untuk bulan Jan., Feb. dan Mac sahaja.*
* (Belanjawan tunai, bahagian penerimaan tunai sahaja untuk tiga bulan, Jan., Feb. & Mac tanpa baki awal dan akhir) (4 Markah)

- (b) Selang beberapa minggu pula, ahli-ahli lembaga pengarah Lay Choo Orkid Bhd. telah menukar fikiran untuk mengeluarkan dan menjual dua jenis baja tersebut pada dua tingkat output yang baru. Jadual di bawah ini adalah ringkasan tingkat-tingkat yang dicadangkan itu.

Tingkat Baru \ Jenis Baja	Lay 700	Choo 007
Cadangan Pertama	750,000	625,000
Cadangan Kedua	2250,000	1,875,000

DIKEHENDAKI :

Sediakan Penyata Proforma Untung Rugi bagi kedua-dua cadangan tingkat pengeluaran tersebut yang menunjukkan jualan, bahan-mentah, buruh, overhead dan jumlah besar kos pengeluaran serta untung kasar pada akhirnya.

(8 Markah)

4. (a) Berikut adalah maklumat-maklumat yang diperolehi daripada Syarikat Amran Kota Bharu Sdn. Bhd. pada 1 Januari 2002.

Volum pengeluaran piawai	100,000 unit
Kos piawai seunit:	
Bahan langsung (2 kg x RM5.00)	RM10.00
Buruh langsung (0.4 jam x RM6.50)	RM2.60
Overhed kilang berubah (0.9 jam mesin)	RM2.50
Overhed kilang tetap (0.9 jam mesin)	RM1.90

Overhed kilang diserap kepada produk berasaskan jam mesin. Berikut adalah maklumat-maklumat sebenar yang diperolehi pada 31 Disember 2002.

Volum pengeluaran	150,000 unit
Jam mesin sebenar	61,000 jam
Jam buruh sebenar (RM 6.70 sejam)	59,000 jam
Belian bahan langsung (160,000kg x RM 5.50)	RM880,000
Overhed kilang berubah	RM184,000
Overhed kilang tetap	RM127,000

Tiada baki awal dan akhir bagi inventori bahan langsung.

DIKEHENDAKI :

- (i) Mengira varians harga bahan langsung (3 Markah)
 - (ii) Mengira varians kuantiti bahan langsung (3 Markah)
 - (iii) Mengira varians kadar buruh langsung (3 Markah)
 - (iv) Mengira varians kecekapan buruh langsung (3 Markah)
- (b) Lakarkan rajah yang menunjukkan kategori pembahagian varians bagi
- (i) Varians overhed pengeluaran tetap
 - (ii) Varians jualan (4 Markah)
- (c) Terdapat lima pendekatan yang biasa digunakan bagi penentuan sesuatu piawaian. Sebutkan **tiga** daripadanya beserta dengan definisi bagi setiap satu pendekatan yang anda sebutkan itu. (6 Markah)
- (d) Mengapakah pengesanan piawai penting di dalam Perakaunan Pengurusan? Terangkan sebab ini dengan merujuk kepada **tiga** aspek penting yang boleh dikaitkannya dengan bidang Pengurusan. (3 Markah)
5. (a) Bandingkan secara jelas satu perbezaan yang nyata di antara pendekatan pengesanan tradisional dengan pendekatan pengesanan berasaskan aktiviti. (2 Markah)

- (b) Syarikat Norfadhilah Sdn. Bhd. ingin menukarkan pendekatan pengekosan dari pengekosan tradisional kepada pengekosan berasaskan aktiviti. Aktiviti yang terlibat itu ialah menyediakan mesin dan pemandu kos ialah bilangan jam untuk menyediakan mesin.

Jumlah kos menyediakan mesin ialah RM70,400. Jumlah bilangan jam penyediaan mesin yang digunakan ialah 1,280 jam. Jika kerja JTW 211 menggunakan 36.5 jam penyediaan mesin, kirakan

- (i) Kos sejam penyediaan mesin. (1.5 Markah)

- (ii) Jumlah kos yang dikenakan kepada kerja JTW 211. (1.5 Markah)

- (c) Berikut adalah belajawan tahunan Perkilangan Azman & Bharathi Sdn. Bhd. yang menghasilkan produk standard "AB":

Kos pengeluaran berubah seunit	RM1.30
Kos pengeluaran tetap	RM8,250.00
Overhed pentadbiran, pemasaran dan kewangan	RM9,750.00
Harga jualan seunit	RM8.30
Jualan	7,500 unit

Maklumat sebenar untuk tahun 1, 2 dan 3 adalah:

Tahun	1	2	3
Stok awal (unit)	-	1,500	1,500
Pengeluaran (unit)	9,000	6,750	7,500
Jualan (unit)	7,500	6,750	9,000

DIKEHENDAKI :

- (i) Sediakan penyata untung rugi dengan menggunakan pendekatan pengekosan sut. (6 Markah)

- (ii) Sediakan penyata untung rugi dengan menggunakan pendekatan pengekosan serapan. (9 Markah)

- (d) Berikut adalah butir-butir berkaitan dengan pengeluaran jaket SUKOM oleh Masjuwita Tailor Sdn. Bhd.

Bahan dikeluarkan dari stor 1,500 unit berharga RM5,025.
 Upah buruh langsung terakru RM7,500.
 Overhed kilang diserapkan 82 % dari kos buruh langsung.
 Tidak ada kerja dalam proses pada awal dan pada akhir tempoh.
 1200 unit jaket SUKOM telah dihasilkan dalam tempoh tersebut.

DIKEHENDAKI :

Tunjukkan Akaun Kerja Dalam Proses yang hasilnya dipindahkan ke Akaun Kerja Siap dengan lengkap kemudian, hitungkan kos seunit kerja siap tersebut.

(5 Markah)

6. (a) Syarikat Nurul Ain Bhd., mempunyai tiga keluaran iaitu Sudin, Yom, Shita. Pihak pengurusan sedang memikirkan sama ada hendak memberhentikan keluaran Shita yang telah mengalami kerugian. Keluaran Shita telah menyebabkan kerugian syarikat bagi beberapa tahun dan keputusan yang harus dibuat oleh pihak pengurusan ialah sama ada meneruskan keluaran Shita atau memberhentikan keluaran Shita dan asas membuat keputusannya adalah untuk memilih alternatif yang menghasilkan keuntungan yang terbanyak. Penyata kewangan syarikat tersebut adalah seperti yang berikut:

	Sudin ('000)	Yom ('000)	Shita ('000)
Jualan	RM500	RM400	RM100
Kos Berubah	295	280	75
Sumbangan	205	120	25
Kos Tetap	165	90	45
Untung (Rugi)	RM40	RM30	(RM20)

DIKEHENDAKI :

Buat satu analisis bagi menentukan sama ada syarikat ini patut meneruskan atau memberhentikan keluaran Shita. Kemudian, terangkan mengapa keputusan tersebut diambil dari segi pengekosan.

(7 Markah)

- (b) Syarikat Ooi Bhd. menghasilkan keluaran “O” mengikut pengekosan proses di dalam Proses Sulong. Data berikut diperolehi:

375 kg bahan mentah digunakan pada kos RM1.35 sekilogram.

3 jam buruh langsung digunakan pada kos RM10.30 sejam

Kos overhead adalah 66.66% dari kos buruh langsung.

Kerugian normal dianggarkan pada kadar 12% daripada input. Semua kerugian dijual pada harga RM0.45 sekilogram. Akibat satu kemalangan berlaku, hanya 300 kilogram sahaja yang dapat dikeluarkan.

DIKEHENDAKI :

Anda dikehendaki mengira bagi Syarikat Ooi Bhd. perkara-perkara berikut:

- | | | |
|-------|------------------------------|------------|
| (i) | kerugian normal dan nilainya | (2 Markah) |
| (ii) | kerugian abnormal | (3 Markah) |
| (iii) | kos kerugian abnormal | (3 Markah) |
| (iv) | kos output sekilo | (2 Markah) |

- (c) Syarikat Tahir M. Dan Sdn. Bhd. menjalankan perkhidmatan perniagaan memfotostat nota-nota untuk soalan ramalan PJJ 211. Syarikat itu melaporkan perkembangannya di bawah ini pada akhir tempoh perniagaannya pada 31 Disember 2002.

Pendapatan	RM1,800
Hasil Jualan	RM12,000
Pelaburan Modal	RM18,000

Syarikat ini menetapkan kadar pulangan ke atas modal pelaburan sebanyak 7.5%.

DIKEHENDAKI :

- (i) Hitungkan margin jualan syarikat ini, pusing ganti modal, pulangan atas pelaburan dan pendapatan lebihan bagi akhir tahun perniagaannya.

(4 Markah)

- (ii) Jika pendapatan dan jualan kekal sama pada tahun 2003 nanti, tetapi pusing ganti modal syarikat ini meningkat kepada 95%, hitungkan modal dilaburkan dan pulangan atas pelaburan pada tahun 2003 nanti.

(4 Markah)